

Bahagian A


[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]

Artikel dan grafik menunjukkan maklumat berkaitan pencemaran alam sekitar.

Anda merupakan ahli jawatankuasa penduduk di kawasan tempat tinggal yang terdedah dengan isu pencemaran. Sebagai ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab, tulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa tempatan berkaitan langkah-langkah mengatasi pencemaran alam sekitar.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Bahagian A
[30 markah]
Soalan ini mesti dijawab.

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan budaya membaca.

Berdasarkan maklumat tersebut, tulis syarahan bertajuk '**Kepentingan Budaya Membaca kepada Murid**' sempena Bulan Membaca di sekolah anda.

Panjangnya syarahan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

BUKU FIKSYEN

Merupakan karya sastera yang diterbitkan daripada rekaan atau khayalan seseorang pengarang.

Contoh: cerita misteri, cerita legenda, cerita binatang, cerita rakyat, cerita dongeng dan cerita teladan.

BAHAN BUKAN FIKSYEN

Khas untuk mencari maklumat tentang sesuatu perkara (fakta, peristiwa dan berita)

Contoh: (buku rujukan am dan buku rujukan khas)

BAHAN BERCETAK

Buku skrap, buletin, poster, carta, rencana, laporan, cerpen, komik, majalah, risalah, brosur, artikel, peta, katalog dan manual pengguna

BAHAN BUKAN CETAK

Video klip berinformasi dan cakera padat perisian pembelajaran

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada sambutan perayaan di Malaysia. Berdasarkan grafik tersebut, tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan perihal sambutan perayaan di Malaysia.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

 Pakaian tradisional	 Makanan tradisional
Majlis rumah terbuka Kemeriahan perayaan bukti perpaduan kaum KUALA - Sambutan perayaan pelbagai agama dan kaum di Masjid Laksamana di sini menunjukkan perpaduan serta perkeluargaan rakyat apabila berakrabab sesama sendiri. Atas Persembahan kebudayaan, Kluang Lim Hui Hui berkata, sambutan perayaan ini menunjukkan perpaduan kaum dan berbilang kaum berakrabab dengan berbilang kaum di Kuala Lumpur. Sementara itu, sambutan perayaan ini menunjukkan perpaduan kaum dan berbilang kaum berakrabab dengan berbilang kaum di Kuala Lumpur. Sementara itu, sambutan perayaan ini menunjukkan perpaduan kaum dan berbilang kaum berakrabab dengan berbilang kaum di Kuala Lumpur.	

Sumber : Internet

BAHAGIAN A


[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan kitar semula.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kitar semula.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Berita Harian

JOM KITAR SEMULA

Amalan lestari mampu wujud suasana kondusif di persekitaran sekolah.

Bahagian A**[30 markah]***Soalan ini mesti dijawab.*

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan dengan perkhidmatan e-dagang.

Huraikan pendapat anda tentang perkhidmatan e-dagang di negara kita.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Bahan 1

Terbang tinggi si burung helang,
Menjunam turun menangkap ikan;
Kempen dan promosi pacu e-dagang,
Menarik perhatian pembeli dalam talian.

Izzul SAI

Bahan 2

Misi perhebatkan e-dagang
menjana ekonomi rakyat, negara

Sumber : Dipetik dan diubah suai
daripada Berita Harian

Bahan 3

Laman e-dagang terbaik di Malaysia

	Shopify	
	EasyStore	
	LeLong	
	Lazada	

Sumber : Dipetik dan diubah suai
daripada Internet

Baca kedua-dua emel di bawah dengan teliti.

Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

E-mel 1

Daripada:	yusuf001@gmail.com
Kepada:	kamal_kamruddin@yahoo.com
Subjek:	Ciri-ciri Sekolah Selamat
Kamal Apa khabar? Sudah lama saya tidak mendengar khabar daripada awak sejak berpindah ke sekolah baharu. Harap awak gembira di sana. Sebenarnya, saya ingin mendapatkan sedikit pandangan daripada awak. Saya telah diminta oleh guru pengawas sekolah saya supaya mendapatkan maklumat tentang sekolah selamat. Saya ditugaskan untuk berucap dalam perhimpunan berkaitan ciri-ciri sekolah selamat. Sehubungan dengan itu, saya berharap awak dapat memberitahu saya tentang ciri-ciri sekolah selamat. Semoga bantuan daripada awak nanti dapat membantu saya menyediakan teks ucapan dengan lengkap. Saya berharap awak dapat membalas e-mel saya ini. Jumpa lagi pada kesempatan lain. Sahabatmu, Yusuf	

E-mel 2

Daripada:	syarifah05@qoomail.com
Kepada:	ramonaMZ@hotmail.com
Subjek:	Keselamatan di Luar Bilik Darjah
Salam hormat Ramona, Apa khabar? Maaf kerana sudah lama tidak menghantar e-mel kepada awak. Pasca-COVID-19 membolehkan murid melakukan aktiviti di luar bilik darjah. Namun begitu, kemalangan di padang atau gelanggang sekolah sering sahaja terjadi. Hal ini menyebabkan murid-murid berisiko untuk mendapat kemalangan ketika melakukan aktiviti tersebut. Oleh itu, saya ingin meminta pandangan awak tentang langkah-langkah keselamatan ketika berada di luar bilik darjah apabila murid-murid melakukan aktiviti riadah atau sukan. Saya menantikan respons daripada awak. Salam hormat, Syarifah	

Soalan ini mesti dijawab.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Bahagian A**[30 markah]***Soalan ini mesti dijawab.*


Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan bangunan warisan di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan warisan.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Kota A' Famosa, Melaka



Menara Condong, Teluk Intan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, monumen merujuk kepada bangunan yang dibina untuk memperingati seseorang atau peristiwa penting. Malaysia memiliki banyak monumen mengikut era yang tidak hanya mempunyai nilai komersial bagi memacu industri pelancongan tetapi juga menyuntik semangat patriotisme.



Bangunan Sultan Abdul Samad,
Kuala Lumpur



Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti,
Kuala Pilah

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada isu pencemaran plastik.

Huraikan pendapat anda tentang isu pencemaran plastik.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



[Lihat halaman sebelah]


BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan Pesta Buku Antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur. Sebagai seorang setiausaha persatuan di sekolah anda, tulis sepucuk surat kepada pengetua untuk memohon kebenaran dan tujuan menyertai pesta buku tersebut.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Tempat : Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)

Tarikh : 03 – 12 Jun 2022

Masa : 9.00 Pagi – 10.00 Malam

Sumber : Internet

Masa	Aktiviti	Kategori
9.00 pagi- 11.00 pagi	Pertandingan Menulis Esei/ Pertandingan Bercerita	Sekolah Rendah/Sekolah Menengah
2.30 petang- 4.30 petang	Bicara Bersama Tokoh Bahasa	Sekolah Rendah/Sekolah Menengah
5.00 petang- 6.30 petang	Kuiz Bahasa/ Program Bijak Bahasa	Sekolah Rendah/Sekolah Menengah

Sumber : Internet

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 merupakan anjuran Majlis Buku Kebangsaan Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Industri Buku Malaysia. Keadaan ini memberikan peluang kepada murid untuk mewujudkan jaringan dengan pihak luar seperti Karang kraf dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian Online, Jun 2022

BAHAGIAN A

[30 Markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan dengan **Karnival Kokurikulum** yang dianjurkan pihak sekolah. Sebagai setiausaha sidang redaksi majalah sekolah, anda ditugaskan menyediakan satu laporan tentang Karnival Kokurikulum yang diadakan di sekolah anda. Sediakan laporan itu selengkapnya.

Panjang huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

HARI TERBUKA & KARNIVAL KOKURIKULUM SMK SIMPANGAN 2018

TARIKH : 26 JULAI 2018
HARI : KHAMIS
MASA : 8:00 PAGI

JUALAN GERAI RM10/TAPAK TERHAD 10 TAPAK

NO PERHUBUNGAN

- Fazrul : 01116650240
- Fazley : 01119064445

SEMUA DIJEMPUT DATANG JOM DATANG BERAMAI-RAMAI

"MEMARTABATKAN SUKAN RAKYAT"

AKTIVITI

- Aktiviti Sukaneka (Permainan Tradisional)
- Pertandingan Kawad kaki
- Pameran Kelab dan Persatuan
- Jualan Makanan dan Minuman
- Penyampaian Hadiah



[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan gejala sosial remaja.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang cara-cara menangani gejala sosial dalam kalangan remaja.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Bahagian A**[30 markah]**

Soalan ini mesti dijawab.

Iklan-iklan di bawah menunjukkan sebahagian daripada iklan jawatan kosong. Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan resume diri anda yang lengkap bagi permohonan satu pekerjaan yang anda minati.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

JAWATAN KOSONG**PEMBANTU PENGURUS (KEWANGAN)****SYARAT & KELAYAKAN**

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 20 tahun hingga 30 tahun
3. Kelayakan minimum diploma/ijazah yang berkaitan akaun/kewangan
4. Berkemahiran dalam perisian Microsoft Office
5. Boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan baik

BIDANG TUGAS

- Menguruskan baucar pembayaran
- Merekod perbelanjaan syarikat
- Menyediakan laporan perbelanjaan

CARA MEMOHON

Sila kemukakan resume yang lengkap melalui e-mel aryskwp@yahoo.com

PELUANG PEKERJAAN**Pembantu Butik (Jualan dan Khidmat Pelanggan)****Pembantu Butik (Dekorasi dan Pelamin)**

Kami membuka peluang kepada individu yang berminat dan berkemahiran untuk menjadi sebahagian daripada warga Rins Suzana. Permohonan terbuka kepada individu lelaki dan perempuan yang berumur 22 – 32 tahun. Pemohon yang berpengalaman diberi keutamaan. Pemohon perlu sertakan gambar berukuran pasport semasa permohonan.

Sila hantar resume kepada zaza@yahoo.com

Bahagian A

(30 markah)

Masa dicadangkan: 30 minit

Soalan ini mesti dijawab.

Gambar dan maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada masalah kebersihan di kantin sekolah dan cadangan tindakan yang perlu diambil.

Sebagai seorang ahli Kelab Pengguna Sekolah, anda dikehendaki menulis sepucuk surat kepada pihak pentadbiran sekolah untuk mengadukan masalah-masalah tersebut dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil.

Panjangnya surat anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

	
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengingatkan semua pengusaha kantin sekolah dan pengendali makanan di negara ini supaya mematuhi arahan yang ditetapkan dalam penyediaan makanan kepada pelajar bagi mengelak insiden keracunan makanan berulang. Oleh itu, pemantauan harus disegerakan untuk memastikan proses penyediaan makanan dilakukan mengikut prosedur yang betul selain memastikan kebersihan kantin berada pada tahap yang memuaskan. Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada <i>Pemantauan Kebersihan Kantin Sekolah, SMK Gombak Setia, 11 November 2020</i>	

Bahagian A

[30 markah]

Solan ini mesti dijawab.

Gambar dan maklumat di bawah berkaitan dengan hari keusahawanan di sekolah.

*Berdasarkan maklumat tersebut, hantar e-mel kepada sahabat anda yang tinggal di negeri lain untuk menceritakan **Hari Keusahawanan** sekolah anda.*

Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Hari Keusahawanan dapat membantu murid atau pelajar membudayakan kemahiran inovasi dalam kehidupan sebagai usahawan berjaya pada masa hadapan.

Sumber:
<https://www.sinarharian.com.my/article/29890/edisi/pahang/pupuk-budaya-keusahawanan-dari-bangku-sekolah>

Enak penganan dibuat hidangan,
dimakan bersama seisi keluarga,
Hari keusahawanan sekolah adakan,
Menyubur kerjasama sesama warga.